

TEKS UCAPAN  
LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN  
REKTOR KUKUM  
BERSEMPENA DENGAN  
PERTANDINGAN ROBOCON 2006 PERINGKAT KUKUM  
PADA 15 APRIL 2006 BERTEMPAT DI DEWAN SERBAGUNA, KUBANG GAJAH,  
PERLIS.

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan Salam Sejahtera.

Yang Berhormat Dato' Hj. Abu Bakar Ismail, Exco Kerajaan Negeri Perlis, Wakil YAB Menteri Besar Perlis.

Yang Berbahagia Tuan Hj. Ismail Ahmad, Pengarah Pelajaran Negeri, Jabatan Pendidikan Negeri Perlis,

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ali Yeon Md Shakaff, Timbalan Rektor KUKUM (Akademik Dan Pengantarabangsaan )

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Zul Azhar Zahid Jamal Timbalan Rektor KUKUM (Penyelidikan Dan Inovasi)

Pegawai-Pegawai Utama KUKUM

Dekan-Dekan Dan Ketua-Ketua Jabatan KUKUM

Yang dihormati guru-guru pengiring dan para pelajar MRSM Beseri, MRSM Langkawi, SMK Syed Sirajuddin, SMK Tuanku Syed Putra, dan SM Teknik Arau,

Wakil-wakil media yang dihormati

Para peserta pertandingan robocon, warga kerja dan para pelajar KUKUM yang dikasihi sekalian.

Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT yang tidak putus-putus bermurah hati memanjangkan usia, mengurniakan kesempurnaan akal, menganugerahkan kesihatan jasad dan memberikan keupayaan hingga membolehkan kita semua sekali lagi berhimpun dan bertemu dalam Pertandingan Robocon 2006 Peringkat KUKUM ini.

Terlebih dahulu, saya mewakili warga KUKUM ingin merakamkan ucapan penghargaan dan tanda terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Berhormat, Dato' Hj. Abu Bakar Ismail, wakil YAB Menteri Besar Perlis kerana sudi hadir dalam program petang ini.

Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada barisan tetamu dan dif-dif kehormat yang sudi melapangkan masa, hadir bagi memeriahkan lagi majlis. Sesungguhnya, kehadiran tuan-tuan dan puan-puan semua amat besar ertinya buat kami. Sesungguhnya kami memandang tinggi komitmen tuan-tuan dan puan-puan yang sentiasa menyokong apa jua program yang dianjurkan KUKUM.

Dikesempatan ini juga saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua peserta yang mengambil bahagian dalam Pertandingan Robocon 2006 Peringkat KUKUM .

Jutaan terima kasih, syabas dan tahniah diucapkan kepada ahli jawatankuasa Pertandingan Robocon 2006 Peringkat KUKUM kerana telah bekerja keras dan bertungkus lumus dalam memastikan kelancaran majlis pada petang ini. Pengorbanan dan usaha gigih anda semua amat saya hargai.

Hadirin Dan Hadirat Sekalian,

Tujuan kita berkumpul pada petang ini di Dewan Serbaguna Kubang Gajah adalah untuk menyaksikan perlawanan akhir Pertandingan Robocon 2006 Peringkat KUKUM. Selain perlawanan akhir yang sudah tentu bakal menyaksikan persaingan yang sengit di antara dua pasukan terbaik KUKUM, perlawanan ini juga bagi menentukan pasukan di tempat ketiga dan keempat yang turut diadakan.

Pertandingan Robocon 2006 Peringkat KUKUM ini diadakan sebagai persediaan dan pendedahan kepada para pelajar KUKUM sebelum menyertai pertandingan robocon 2006 di peringkat kebangsaan kelak. Penyertaan ke peringkat kebangsaan dapat dijadikan sebagai salah satu 'platform' ataupun landasan bagi tujuan mempromosikan KUKUM sabagai salah satu IPTA yang sentiasa menitikberatkan elemen penyelidikan dan rekacipta kepada warganya.

Pertandingan Mencipta Robot 2006 ataupun lebih dikenali sebagai Robocon 2006 adalah satu pertandingan robot yang berprestij di Malaysia. Dianjurkan dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi (MOSTI), Sirim Berhad Dan Radio Televisyen Malaysia (RTM), pertandingan tahunan ini akan menghimpunkan para pelajar daripada institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta dari seluruh Malaysia untuk mempamerkan bakat mereka dalam merekacipta dan mempertaruhkan idea robot masing-masing berdasarkan kepada

tema pertandingan. Pada tahun ini, sesuai dengan status Malaysia sebagai tuan rumah kepada 'Asia-Pacific Robot Contest 2006', salah satu mercu tanda Malaysia iaitu menara berkembar petronas ataupun lebih dikenali dengan nama KLCC dipilih sebagai tema.

Hadirin Dan Hadirat Sekalian,

Dalam proses untuk memartabatkan KUKUM sebagai salah satu IPTA yang bergiat aktif dalam bidang rekacipta amnya dan robotik, justeru, menjadi harapan KUKUM untuk menghantar wakil-wakil yang terdiri daripada para pelajar ke pertandingan ini kelak. Untuk pengetahuan hadirin dan hadirat sekalian, tahun ini bakal menyaksikan penyertaan kali ketiga KUKUM dalam pertandingan robocon, di mana pada tahun lepas KUKUM telah menghantar dua pasukan dan salah satu pasukan telah pun berjaya ke peringkat suku akhir, tetapi tewas di tangan pasukan yang tidak asing lagi iaitu Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Walaupun tewas, pencapaian ini cukup membanggakan jika hendak dinilai dengan usia KUKUM yang baru setahun jagung dalam bidang robotik ini.

Bersesuaian dengan tema pertandingan iaitu 'Robotik: Ke Arah Kecemerlangan', adalah menjadi harapan agar pertandingan ini dapat memupuk minat pelajar dalam bidang robotik sekaligus meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pelajar dan staf akademik dalam bidang yang sama.

Kita tahu bahawa bidang ini semakin jelas menunjukkan kepentingannya dalam kehidupan seharian. Dahulu, robot mungkin hanya digunakan di industri, namun di negara-negara maju seperti Jepun dan Amerika Syarikat, robot telah pun digunakan dalam kehidupan seharian masyarakat di sana. Tetapi perlu kita ingat, berjayanya

sesuatu robot itu dalam melaksanakan tugasnya adalah disebabkan manusia yang merekakiptanya dengan berbekalkan kepakaran yang ada. Tanpa kepakaran manusia, robot-robot seperti ini tidak akan wujud.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Hj. Abu Bakar Ismail kerana sudi meluangkan masa untuk menghadirkan diri dan seterusnya merasmikan Pertandingan Robocon 2006 Peringkat KUKUM ini. Kehadiran Yang Berhormat Dato' sebenarnya telah menaikkan semangat para peserta untuk melakukan yang terbaik dalam memenangi pertandingan ini dan seterusnya mewakili KUKUM ke pertandingan peringkat kebangsaan kelak. Terima kasih juga diucapkan kepada tetamu-tetamu serta dif-dif kehormat dan guru-guru pengiring serta pelajar-pelajar sekolah yang sanggup meluangkan masa menghadiri pertandingan ini.

Tidak dilupakan kepada Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanik, Prof. Dr. Sazali Yaacob, Pengarah Program, En. Abu Hassan Abdullah dan En. Abdul Rahman Mohd. Saad serta barisan sekretariat yang telah bertungkus lumus bekerja siang dan malam bagi menjayakan pertandingan ini. Diharapkan kolaborasi ini dapat diteruskan dengan penganjuran pertandingan seumpamanya pada masa akan datang.

Akhir sekali, diucapkan semoga berjaya kepada semua peserta Pertandingan Robocon 2006 Peringkat KUKUM ini. Tahniah diucapkan kerana anda semua sebenarnya telahpun berjaya kerana sanggup bersengkang mata dan berusaha tanpa mengira waktu untuk menyertai pertandingan ini. Mana tahu, anda mungkin berjaya di

peringkat kebangsaan kelak dan mewakili Malaysia ke peringkat Asia. Sudah tentu ianya akan menjadi suatu pengalaman dan pencapaian yang amat membanggakan.

Saya sudahi ucapan ini dengan wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.